

# Pertimbang beri dua produk secara percuma

**Putrajaya:** Kerajaan akan mempertimbangkan untuk memberi cecair pembasmi kuman atau *hand sanitizer* serta topeng penutup mulut dan hidung secara percuma kepada orang awam seperti yang dilakukan di Thailand, dalam menangani penularan wabak Covid-19.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata, keputusan pemberian dua produk itu diserahkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Perkara itu sudah dibincangkan, tapi bukan saya yang akan memberi keputusan berkenaan, ia diserahkan kepada MKN. Kerajaan memang prihatin terhadap rakyat," katanya, selepas mengadakan tinjauan bekalan makanan asas di se-



KEBANYAKAN kedai kehabisan stok penutup mulut dan hidung.

kitar Putrajaya di sini, serungutan orang ramai terhadap kekurangan stok *hand sanitizer* serta topeng ketika ini sedang berusaha

untuk menambah jumlah produk berkenaan.

"Kita tahu (ada rungutan mengenai kekurangan topeng penutup mulut dan hidung), satu jawatankuasa juga sudah ditubuhkan yang diketuai oleh Menteri Kanan untuk mencari jalan bagi menampung kekurangan ini.

"Kerajaan juga sedang berusaha untuk mendapatkan lebih banyak topeng berkenaan dari negara luar. Selain topeng, kita juga akan membawa masuk *hand sanitizer* serta peralatan perlindungan diri (PPE).

"Ramai juga pengimport menyatakan kesediaan membawa masuk produk berkenaan ke negara ini, jadi diharapkan usaha ini akan meredakan serta mengatasi masalah kekurangan bekalan berkenaan," katanya.